



**INAPAN KASIH SAYANG
ZAKAT PULAU PINANG
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG**

NOTIS JAWATAN KOSONG

ZAKAT PULAU PINANG, MAINPP merupakan sebuah organisasi yang menguruskan kutipan dan agihan zakat di negeri Pulau Pinang. Kami mempelawa calon-calon yang berkelayakan untuk memohon jawatan di Inapan Kasih Sayang (IKS). IKS merupakan salah satu Program Agihan Asnaf yang diwujudkan di bawah peruntukan agihan asnaf fakir dan miskin.

IKS ini merupakan asrama untuk anak-anak fakir miskin. Asrama ini menempatkan para pelajar darjah empat, lima dan enam dan telah dibuka secara rasminya pada sesi persekolahan 2012.

Bagi memastikan pengurusan dan pentadbiran di IKS ini lancar dan teratur, kami memerlukan calon-calon yang berminat, berkebolehan dan bermotivasi tinggi untuk mengisi kekosongan yang ada. Tawaran adalah dibuka kepada warganegara Malaysia yang mempunyai kelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan :-

JAWATAN

- 1. PENOLONG PEGAWAI PENTADBIRAN**
- 2. PEMANDU**

STATUS JAWATAN

Jawatan adalah secara lantikan **TETAP**.

SYARAT-SYARAT AM KELAYAKAN

1. Warganegara Malaysia dan berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
2. Calon-calon mestilah lulus sijil SPM / SPMV atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

1. PENOLONG PEGAWAI PENTADBIRAN

1.1. Syarat Lantikan

- 1.1.1. Calon mestilah mempunyai kelayakan akademik seperti berikut:
 - i. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
 - ii. Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
 - iii. Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang
- 1.1.2. Mempunyai pengalaman kerja berkaitan tidak kurang dari 2 tahun dalam bidang berkaitan *Purchasing* / Perolehan/ Pengurusan Rekod/ Pengurusan Pentadbiran.
- 1.1.3. Berpengetahuan dan mahir dalam menggunakan komputer dan perisian-perisian berkaitan bagi menjalankan tugas dan fungsinya.
- 1.1.4. Berpengalaman dalam bidang pengurusan pentadbiran, penyelenggaraan fasiliti dan perekodan aset.

1.2. Tugas dan Tanggungjawab

- 1.2.1 Bertanggungjawab keatas aktiviti dan proses yang terlibat dalam tender, sebut harga ,pembelian dan pentadbiran .
- 1.2.2 Mendapatkan sebut harga daripada pembekal / syarikat bagi tujuan kajian pasaran sebelum pemilihan pembekal dibuat bagi perolehan dibawah RM50,000.00.
- 1.2.3 Menguruskan Sebut Harga dan Tender Inapan Kasih Sayang dan bertindak sebagai urusetia tetap yang bertanggungjawab dalam proses penyediaan dokumen sehinggalah lantikan pembekal/syarikat termasuk penyediaan kontrak jika perlu.

- 1.2.4 Memantau dan mengurus semua pengeluaran Borang Pesanan Tempatan (LO) bagi syarikat yang diluluskan dan Surat Tawaran Perlantikan.
- 1.2.5 Merekod Pesanan Tempatan (LO) yang telah di keluarkan dan menyimpan salinan ketiga Pesanan Tempatan untuk rujukan.
- 1.2.6 Penyediaan laporan-laporan berkaitan urusan perolehan dan pengurusan kontrak syarikat.
- 1.2.7 Menyelia dan memantau proses tuntutan pembayaran pembekalan dan menyemak memo pembayaran pembekalan.
- 1.2.8 Melaporkan sebarang permasalahan berkaitan kontraktor, kontrak syarikat dan pembayaran pembekalan.
- 1.2.9 Membantu menyemak, menyedia dan mengemaskini tatacara perolehan syarikat dan Prosedur Kerja Standard bagi urusan perolehan dan pengurusan kontrak syarikat.
- 1.2.10 Memantau kerosakan fasiliti asrama setelah menerima laporan dari warden dan mengambil tindakan susulan setelah memastikan kerosakan yang berlaku.
- 1.2.11 Memantau disiplin warden asrama dan menyediakan laporan kepada pengurus.
- 1.2.12 Mematuhi semua arahan yang di keluarkan oleh pengurus dan lain-lain skop tugas dari semasa ke semasa.

2. PEMANDU

2.1. Syarat Lantikan

- 2.1.1 Calon memiliki Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- 2.1.2 Mempunyai lesen memandu kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I/GDL yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan).
- 2.1.3 Berkebolehan memandu, mengendali dan menyelenggara kenderaan pacuan 4 roda seperti kereta, van, lori dan bas.
- 2.1.4 Keutamaan diberi kepada calon-calon yang berpengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun dan ke atas dalam pemanduan kenderaan.
- 2.1.5 Bertanggungjawab dalam memastikan pemanduan yang berhemah serta mematuhi peraturan lalu lintas

2.2. Tugas dan Tanggungjawab

- 2.2.1 Menjalankan tugas sebagai pemandu dengan membawa dan mengambil pulang pelajar dari sekolah mengikut jadual.
- 2.2.2 Membawa kenderaan bagi urusan rasmi IKS / program IKS / kursus IKS.
- 2.2.3 Memastikan kenderaan (van/bas) IKS berada dalam keadaan yang baik sepanjang masa dan membuat pemeriksaan dan selenggaraan rutin sebelum dan selepas pemanduan.
- 2.2.4 Membuat temujanji dan menghantar kenderaan IKS untuk pemeriksaan berjadual PUSPAKOM.
- 2.2.5 Memastikan kad Touch n Go sentiasa ditambah nilai dan minyak petrol diisi melebihi 3 bar sebelum dinaiki oleh pemandu dan penumpang.
- 2.2.6 Memperbaharui lesen GDL beserta pemeriksaan kesihatan setiap tahun
- 2.2.7 Memastikan kenderaan sentiasa bersih dan dicuci mengikut keadaan dan jadual.
- 2.2.8 Merekod dan membuat laporan kepada pihak pengurusan jika terdapat sebarang kerosakan kenderaan syarikat IKS.
- 2.2.9 Sentiasa bersedia untuk bekerja lebih masa termasuk ketika hujung minggu cuti umum dan pada bila-bila masa sekiranya diperlukan.
- 2.2.10 Menjalankan lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

CARA MEMOHON

1. Calon yang berminat dan memenuhi semua syarat-syarat, sila kemukakan:
 - i. Borang Permohonan Kerja yang boleh dimuat turun di laman web <http://www.zakatpenang.com> atau boleh diambil di ibu pejabat Zakat Pulau Pinang.
 - ii. Mengemukakan Borang Permohonan Kerja dengan Curriculum Vitae terbaru (CV) yang mengandungi butir-butir peribadi, kelayakan akademik (sertakan salinan sijil yang berkaitan), pengalaman kerja dan sekeping gambar bersaiz pasport. Sila nyatakan gaji terkini dan gaji yang dipohon.
2. Hanya permohonan yang lengkap akan diterima.

3. Permohonan yang berikut akan ditolak :

- i. Tidak lengkap atau tidak terang.
- ii. Salinan dokumen-dokumen yang diperlukan tidak disahkan oleh Pegawai yang berkeelayakan.
- iii. Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang dikehendaki.
- iv. Tidak disertakan gambar berukuran pasport atau salinan dokumen yang diperlukan.
- v. Tidak ditandatangani.

Permohonan Dikemukakan Kepada:

**BAHAGIAN PENTADBIRAN
INAPAN KASIH SAYANG
ZAKAT PULAU PINANG
Lot 4188 Mukim 8,
Pongsu Seribu, 13200 Kepala Batas,
Pulau Pinang**

Semua permohonan adalah sulit dan hanya calon-calon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil temuduga. Permohonan mestilah sampai kepada pihak kami sebelum atau pada **20hb Mei 2022 (Jumaat)**.